

Jangan ada lagi PEPERANGAN!



Sri Paus Leo XIV muncul dalam Regina Coeli pertamanya, Mei 11, 2025 di Balkoni Utama Basilika Sto Petrus, Vatikan.

TAKHTA SUCI: Sri Paus Leo XIV muncul di balkoni utama Basilika Sto Petrus untuk ucapan Regina Coeli pertamanya pada hari Ahad, Mei 11. Prelatus yang dilantik sebagai pengganti Sto Petrus pada Mei 8 lalu, menyapa para penziarah yang berkumpul di Dataran Sto Petrus dan ramai lagi yang mengikuti dari seluruh dunia.

Uskup Roma itu mengulangi seruan keamanan pendahulunya, Sri Paus Fransiskus. "Dalam konteks dramatik hari ini, perang dunia ketiga bakal terjadi secara beransur-ansur. Saya juga merayu kepada yang berkuasa di dunia dengan mengulangi kata-kata yang sentiasa relevan ini: jangan lagi berperang!"

Jeritan untuk Ukraine dan Gaza

Sri Paus Leo XIV mengingatkan, pertama sekali, "tragedi besar Perang Dunia Kedua", yang berakhir 80 tahun yang lalu, telah menyebabkan 60 juta kematian.

Bapa Suci Leo turut mengemukakan peperangan moden yang melanda dunia hari ini: "Saya membawa dalam hati saya penderitaan rakyat Ukraine yang tercinta," katanya, seraya mendesak agar "setiap usaha dilakukan untuk mencapai keamanan yang murni, adil dan berkekalan secepat mungkin."

Beliau juga mengharapkan agar, "Semua tahanan dibebaskan, dan semoga kanak-kanak dikembalikan kepada keluarga mereka."

Beliau kemudian beralih kepada bencana kemanusiaan yang sedang berlaku di Jalur Gaza. "Saya sangat berduka dengan apa yang sedang berlaku," katanya.

"Semoga pertempuran dapat dihentikan serta-merta dan bantuan kemanusiaan dapat diberikan kepada penduduk awam yang keletihan serta semoga semua tebusan dibebaskan."

Dengan penuh harapan, Sri Paus Leo XIV juga menyambut baik pengumuman terkini mengenai gencatan senjata antara India dan Pakistan.

"Saya berharap bahawa, melalui rundingan yang akan datang, persetujuan yang berkekalan dapat dicapai tidak lama lagi," katanya.

Namun, dalam nada kesal, Sri Paus Leo bertanya, "berapa banyak lagi konflik lain yang ada di dunia?"

Sri Paus Leo XIV mempercayakan hal yang mendukung ini kepada Maria Ratu Perdamaian, "agar Bonda dapat menyampaikan berita keganasan di dunia kepada Tuhan Yesus dan menganugerahkan kita keajaiban perdamaian."

Hari Minggu Gembala Baik

Sempena Hari Minggu Gembala Baik, Sri Paus Leo XIV mengatakannya sebagai "hadiah daripada Tuhan" kerana merayakannya pada hari Minggu Gembala Baik pertama sebagai Uskup Roma.

Katanya, "Bacaan Injil hari ini memberitahu kita tentang Yesus yang memperkenalkan dirinya sebagai Gembala Baik yang sejati. Dia mengenal, mengasihi dombanya malah memberikan nyawanya untuk kita semua."

Hari Minggu Gembala Baik di Vatikan juga meraikan hari terakhir ziarah Jubli anggota-anggota kumpulan muzik dan hiburan popular dari 90 buah negara. Sri Paus Leo menyapa mereka dengan penuh kasih dan mengucapkan terima kasih atas muzik serta persembahan mereka yang "menghidupkan perayaan Kristus Sang Gembala Baik: Gembala Agung yang membimbing Gereja dengan Roh Kudus-Nya."

Bantu-membantu antara satu sama lain

Bapa Suci Leo kemudian menyatakan kegembiraannya dapat berdoa bersama semua umat Tuhan untuk panggilan, terutama panggilan paderi keuskupan dan kehidupan bakti.

Prelatus itu berkata bahawa Gereja mempunyai "keperluan besar kepaderian dan religius." Bapa Suci Leo mengajak semua umat untuk para paderi dan religius, agar tabah dalam pelayanan imamat serta hidup bakti.

"Semoga mereka menjadi teladan yang boleh dipercayai dalam masyarakat, berdedikasi dan murah hati kepada saudara-saudari mereka di mana sahaja mereka melayani."

Mengimbas kembali pesan mendiang Sri Paus Fransiskus untuk Hari Doa Panggilan Sedunia, beliau menggalakkan umat beriman agar "menerima dan menemani golongan muda" sambil memohon kepada Tuhan untuk membantu kita untuk hidup "dalam semangat melayani dan prihatin kepada satu sama lain...mampu berjalan bersama dalam kasih dan kebenaran."

Jangan takut!

Menggalakkan orang muda khususnya agar mendengar panggilan untuk menjadi paderi atau religius, Sri Paus Leo menggalakkan mereka dengan berkata, "Jangan takut! Terimalah jemputan Gereja dan Kristus Tuhan!"

"Semoga Perawan Maria, yang seluruh hidupnya menahuti panggilan Tuhan dan pelaku firman, sentiasa menemani serta mendoakan kita dalam mengikuti Yesus."

Sebelum muncul di balkoni utama basilika Sto Petrus, pada sebelah pagi, Sri Paus Leo XIV mengunjungi Makam Sto Petrus di Vatikan untuk merayakan Misa di altar berhampiran makam Santo Petrus.

Menurut kenyataan oleh Pejabat Akhbar Takhta Suci, Misa tersebut telah dirayakan bersama oleh Fr Alejandro Moral Anton, mantan Pemimpin Umum Ordo Sto Augustinus.

Selepas Misa, Sri Paus Leo XIV menghabiskan masa berdoa dalam diam di makam pendahulunya. Beliau juga berhenti sejenak di hadapan niche Pallia, selendang bulu domba yang melambangkan perpaduan antara Sri Paus dan uskup agung metropolitan di seluruh dunia. **Media Vatikan**

Di mana letaknya iman anda?

C.S. Lewis, salah seorang apologetik Kristian yang hebat. Beliau menjadi seorang Kristian yang mengalami pelbagai tentangan dan perjuangan. Dia membesar ke alam dewasa dengan skeptisisme dan agnostisisme tertentu.

Dia tidak tertarik secara semula jadi kepada iman atau kepada Kristus. Tetapi kejujurannya sentiasa radikal dalam usaha mendengar suara-suara terdalam dalam dirinya.

Dan pada suatu hari, rasa tidak percaya kepada Tuhan itu tergugat dan mengendur apabila menyedari bahawa Kristus dan ajaran-Nya sangat menarik. Dalam hati nuraninya, dia harus menjadi seorang Kristian.

Ramai di antara kita yang pernah membaca kata-kata yang ditulisnya pada malam ketika dia pertama kali berlutut dan menyerahkan dirinya kepada iman dalam Kristus.

Dia baharu sahaja pulang dari berjalan kaki yang panjang dan berbicara tentang agama dengan J.R.R. Tolkien (yang merupakan rakan sekerjanya di Oxford). Lewis menceritakan bagaimana dia berlutut dan menyerahkan dirinya kepada iman dalam Kristus.

Dia mengaku bahawa ini bukanlah sujud yang mudah: Saya sujud sebagai orang yang paling enggan memeluk agama dalam sejarah Kristian. Wow! Ini bukanlah yang kita anggap sebagai semangat pertama.

Tetapi Lewis menerangkan mengapa, walaupun secara semula jadi sangat enggan namun akhirnya dia menerima Yesus dan menjadi pengikut-Nya: Kerana saya telah menyedari bahawa kekerasan Tuhan lebih baik daripada kelemahan manusia, dan paksaan Tuhan sebenarnya adalah pembebasan kita.

Apakah 'paksaan' Tuhan?

Berikut adalah satu contoh. Terdapat satu peristiwa terkenal dalam Injil Yohanes apabila Petrus, seperti C.S. Lewis, juga merupakan seorang yang enggan berubah. Inilah ceritanya.

Yesus baharu sahaja mengatakan bahawa Dia adalah Roti Hidup dan mengakhiri aja-



ran itu dengan berkata bahawa kecuali kita makan tubuh-Nya dan minum darah-Nya, kita tidak akan mempunyai kehidupan dalam diri kita. Memang difahami bahawa ini mengelirukan dan membingungkan mereka yang mendengar-Nya malah Injil juga menyatakan bahawa ramai orang pergi dan berkata, "ini adalah ajaran yang tidak dapat diterima."

Kemudian, apabila ramai orang telah pergi, Yesus berpaling kepada murid-murid-Nya dan bertanya kepada mereka: Adakah kamu juga mahu pergi?

Pada ketika itu, Petrus yang menghadapi situasi seperti C.S. Lewis yang bergelut menerima ajaran Yesus tetapi tegas dalam jawapannya.

Dia menjawab dengan berkata, "Kepada siapa lagi kami akan pergi? (dan ini adalah salah satu momen cemerlang Petrus dalam Injil) seraya menambah: Kami tahu bahawa Engkau mempunyai kata-kata kehidupan yang kekal."

Apabila anda menganalisis jawapan Petrus, inilah intinya: Petrus baharu sahaja mendengar ajaran yang dia tidak fahami dan apa yang dia fahami, dia sebenarnya tidak suka. Pada saat itu, Yesus kelihatan

seperti bertentangan dengan kebenaran dan kehidupan.

Akal fikiran dan hati Petrus tidak bersetuju dengan Yesus. Tetapi, selain akal dan hati, terdapat satu lagi bahagian dalam diri Petrus yang tahu bahawa, tanpa mengira perdebatan di kepala dan hatinya, ajaran ini akan membawanya kepada kehidupan.

Pada saat itu, seperti C.S. Lewis, Petrus adalah seorang Rasul yang sangat enggan.

Namun, dia tetap menyerahkan hidupnya kepada Kristus, walaupun mengalami pertentangan dalam fikirannya dan dalam hatinya.

Mengapa? Kerana seperti C.S. Lewis, dia telah memahami bahawa paksaan Tuhan sebenarnya adalah pembebasan kita.

Saya teringat kembali sebuah program wawancara dengan Daniel Berrigan.

Pengacara itu bertanya kepadanya, "Fr, di manakah letaknya iman anda? Adakah ia di dalam kepala anda atau di dalam hati anda?"

Jawapan Berrigan sangat pelbagai dan bijaksana: *Iman jarang berada di kepala dan iman sangat jarang berada di hati. Iman adalah di mana anda berada.*"

Beliau menambah, "Sesiapa yang pernah

berpegang pada komitmen untuk jangka masa yang panjang, tahu bahawa akan ada masa dan musim apabila fikiran anda tidak ada jawapannya, hati anda tidak memahaminya tetapi anda tetap setia dengan komitmen itu kerana anda tahu bahawa jalan kehidupan bagi anda terletak pada komitmen kekal itu."

Apakah yang akhirnya kita percayai agar menyerahkan hidup kita kepada Tuhan?

Saya percaya kita perlu menjawab soalan itu bukan dengan akal mahupun dengan hati kita. Bukanlah akal dan hati kita tidak boleh dipercayai, tetapi seperti yang kita tahu dan daripada pengalaman, keduanya tidak dapat menjawab atau mewakili apa yang paling dalam diri kita.

Desakan Tuhan terletak di bawah pemikiran dan perasaan kita.

Kepala kita memberitahu kita apa yang kita fikir adalah bijak untuk dilakukan. Hati kita memberitahu apa yang kita ingin lakukan.

Tetapi suara yang lebih dalam dari diri kita memberitahu kita apa yang perlu kita lakukan.

Suara Tuhan yang paling dalam, dalam diri kita tidak selalu selaras dengan akal atau hati kita.

Suara itu adalah desakan Tuhan di dalam diri kita dan ia boleh menjadikan kita pemeluk agama yang paling enggan dalam sejarah Kristian, ia boleh membuat kita berdiri di hadapan Yesus memberitahunya bahawa ajaran-Nya kelihatan bertentangan dengan kebenaran dan kehidupan, ia boleh membuat kita melihat dengan penuh kekecewaan terhadap ketidaksetiaan kronik.

Gereja-gereja kita tetapi masih membuat kita berkata, kita tiada tempat lain untuk pergi. Perkataan-Mu adalah perkataan hidup dan kekal. Keraguan, kekecewaan dan kekurangan pemahaman bukanlah nilai mulia tetapi ia boleh mendorong kita dan tunduk ke tempat di mana kita perlu membuat keputusan seperti Petrus dan C.S. Lewis. **Hak cipta Terpelihara 1999-2025@ Fr Ron Rolheiser**

Yesus menawarkan kita damai rohani

Damai, perdamaian atau damai sejahtera yang disebut dalam Injil Yohanes bukanlah damai lahiriah. Damai lahiriah ialah sesuatu yang kelihatan misalnya keamanan bermaksud tidak terjadi banyak pertentangan, konflik dan kekerasan.

Damai Kristus yang disebut dalam Injil hari ini adalah damai batin (rohani hati) kita sebagai manusia dengan diri kita sendiri dan dengan Tuhan.

Yesus menegaskan: "Jangan gelisah dan gentar hatimu!" Inilah sebenarnya damai yang sebenarnya! Bila damai ini tidak dimiliki, tiada damai sejati lain apapun dapat dimiliki.

Contohnya, air bersih dalam sebuah danau meskipun nampak bersih namun ia tidak boleh diminum terus kerana danau itu sendiri penuh lumpur dan penuh pelbagai buangan kotor.

Begitu juga kota metropolitan Kuala Lumpur atau kota-kota yang besar di negara kita, yang mewah dan megah, tidak akan menjadi kota damai dan tenteram, apabila jutaan penduduknya hidup dengan hati tidak tenang dan penuh ketegangan.

Damai yang dimaksudkan Yesus adalah seperti dalam bahasa asli Ibrani "*shalom*". Orang Yahudi saling memberi

salam "*shalom*".

Yesus sendiri ketika bertemu dengan murid-murid-Nya pada malam Paskah lalu menyapa mereka dengan ucapan *shalom*. Dia memberi nasihat kepada mereka: "*Kalau kamu memasuki suatu rumah, katakanlah lebih dahulu: Damai sejahtera bagi rumah ini*" (Luk 10:5-6).

Secara alkitabiah, *shalom* atau damai sejahtera bukan sekadar bererti tidak ada perang atau bencana besar. *Shalom* lebih menunjukkan secara positif adanya ketenangan, kesejahteraan, kepastian, persaudaraan, kegembiraan.

Paulus juga berkata: "*Damai sejahtera Tuhan, yang melampaui segala akal, akan memelihara Hati dan fikiranmu dalam Kristus Yesus*" (Flp 4:7) dan "*Tuhan, sumber damai sejahtera, menyertai kamu sekalian! Amin*" (Roma 15:32).

Paulus mahu menekankan bahawa Tuhan memberikan damai sejahtera sejati, *shalom* yang sebenarnya, yang kita rindukan, yang memang tidak mungkin kita peroleh dan miliki di luar hubungan kita dengan Tuhan!

Tuhan menghendaki supaya kita sungguh hidup dalam damai, tetapi damai itu hanya mungkin kita miliki, apabila kita melakukan kehendak-Nya.

Yesus dalam kata dan perbuatan-Nya ingin menegaskan kepada kita, bahawa Dia menolak dan melawan apa pun yang bertentangan dengan damai, seperti ketakutan, kecemasan, kekhawatiran, "Jangan gelisah dan gentar hatimu!"

Dapat difahami bahawa orang biasanya merungut, "Memang, hal itu mudah dikatakan!" Bagaimana kita dapat mententeramkan hati menghadapi kegelisahan dan kegentaran hati, yang meliputi hidup kita yang suram? Dan pembawaan sifat, karakter, watak orang masing-masing dapat memperbesar lagi kegelisahan itu.

Injil tidak menjanjikan menyelesaikan dan menghilangkan masalah-masalah itu. Sampai tahap tertentu masalah-masalah itu memang tidak lari dari keadaan dan situasi hidup manusia.

Injil menunjukkan jalan yang dapat kita tempuh. Injil hari ini, yang diambil dari Yohanes Bab 14 dimulai dengan kata-kata Yesus ini: "*Janganlah gelisah hatimu. Percayalah kepada Tuhan, percayalah juga kepada-Ku*" (14:1). Percaya kepada Tuhan melalui Yesus Kristus — itulah ubat penyembuh apa pun bentuk kegelisahan hidup.

Kini kita hidup di dunia dan dalam masyarakat yang memang berkembang dan

**HARI MINGGU
PASKAH 6
(TAHUN C)
KISAH PARA RASUL
15:1-2, 22-29
WAHYU 21:10-14, 22-23
INJIL YOHANES
14:23-29**

makin maju. Namun makin bertambah juga cabaran dan masalah, kegelisahan dan ketidakpastian yang kita hadapi.

Tetapi ada kata-kata Yesus yang harus selalu menjadi pegangan pasti dan penghiburan untuk hidup kita: "*Jangan gelisah dan gentar hatimu!*"

Dalam perayaan Ekaristi ini, di mana kita berhimpun mengelilingi Dia untuk menerima Diri-Nya dalam Ekaristi, kita mendengarkan pesan-Nya, "*Jangan gelisah dan gentar hatimu!*" yang begitu berharga. Itulah ungkapan damai sejati yang diberikan Yesus kepada kita. Dan dengan kepastian damai yang diberikan Yesus kepada kita itu, marilah kita semua dengan tulus saling memberikan salam damai kasih Kristus kepada sesama yang lain. **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**

Apakah erti menjadi Gereja Sinodal di Malaysia?



KOTA KINABALU: Sejak mendiang Sri Paus Fransiskus memperkenalkan ciri “Gereja Sinodal” pada tahun 2021, umat Katolik di Malaysia tidak lagi asing mendengar perkataan “Sinodaliti”.

Namun apakah itu kerohanian sinodaliti?

Baru-baru ini, penganjur utama Perhimpunan Pastoral Wilayah Sabah (PPWS) telah menjemput Fr Dr Clarence Devadass dari *Catholic Research Center*, Keuskupan Agung Kuala Lumpur untuk memberikan pencerahan tentang “Kerohanian Sinodaliti” kepada 585 perwakilan PPWS.

Fr Clarence menyampaikan sesi tersebut pada hari kedua PPWS, Mei 12 di Dewan Katedral Hati Kudus.

Beliau menjelaskan bahawa Sinodaliti bukanlah program atau konsep melainkan cara hidup sebagai Gereja.

Kerohanian diperlukan untuk hidup sebagai Gereja dan ia memastikan kelanjutan.

Kerohanian Sinodal harus menjadi *“ECCLESIAL HABITUS”*, (tabiat Gereja) merupakan sum-



ber pembaharuan dan dinamisme bagi kehidupan dan misi Gereja.

Fr Clarence menjelaskan bahawa Gereja Sinodal bermula dengan Perubahan fikiran dan hati. Beliau mengakui bahawa mengubah cara fikiran tidak mudah.

Oleh sebab itu, keterbukaan untuk belajar semula dan keberanian amat diperlukan, selain inisiatif, kesabaran, visi dan tujuan.

Beliau menyatakan sepanjang sejarah, Gereja telah menghadapi cabaran dan tentangan, namun Gereja terus menyesuaikan diri dan berkembang menunjukkan ketabahan dan keimanan.

Ini amat ketara dilihat dalam Konsili Vatikan II membawa perubahan radikal dalam perayaan-

perayaan Sakramen.

Pembaharuan yang dibawa oleh Konsili Vatikan II telah membentuk dan terus mempengaruhi kehidupan iman kita misalnya pembaharuan dalam liturgi (*Sacrosanctum Concilium*); Pengerian ciri-ciri Gereja “diperbaharui” melalui *Lumen Gentium*, memperluaskan peranan Gereja di dalam dunia (*Gaudium et Spes*) dan mengakui kewujudan “kebenaran” dalam agama-agama lain (*Nostea Aetate*).

Konsili Vatikan II merupakan respon Gereja terhadap dunia yang sedang berubah – panggilan untuk mendengar.

Tahun 1962 – 1965 merupakan masa untuk pendengaran aktif,

penelitian dalam Roh Kudus (*discernment*) dan mencari hala tuju menangani realiti-reality baharu.

Sinode tentang Sinodaliti merupakan masa untuk merenung akan respon Gereja terhadap dunia yang berubah dan membawa pembaharuan dalam Gereja

Sama ada Konsili Vatikan II atau Sinode, persoalannya tetap sama iaitu, “Apakah yang dikatakan oleh Roh Kudus kepada Gereja?”

Fr Clarence menjelaskan bahawa di setiap peringkat, hanya Roh Kudus yang membawa pembaharuan dalam Gereja.

Beliau mengongsikan kata-kata mendiang Sri Paus Fransiskus bahawa Gereja Sinodal ialah

Gereja yang mendengar dengan hati di mana setiap orang mempunyai sesuatu untuk dipelajari.

Pada Julai 5, 2019, mendiang Bapa Suci Fransiskus juga berpesan, “Tidak cukup mengadakan sinode tetapi KAMU harus menjadi sinode!”

Pada akhir sesinya, Fr Clarence menyatakan bahawa Gereja Sinodal bermula dengan perubahan fikiran dan hati melalui kerohanian.

Beliau meninggalkan soalan renungan kepada para perwakilan PPWS, melalui kerohanian, apa yang perlu berubah dalam diri saya untuk membawa kerohanian ini?

Formasi tentang Roh Kudus di daerah Klang



KLANG: Pada Mei 1, 2025, Gereja *Our Lady of Lourdes* Klang telah menjadi tuan rumah kepada Formasi Daerah Klang tentang Roh Kudus.

Dengan tema, “Nyala Api : Roh Kudus Menerangi Cahaya Harapan”, formasi tersebut mengajak umat untuk mendalami kehadiran kuasa Roh Kudus dalam kehidupan harian.

Sesi Bahasa Malaysia telah berjaya menarik kira-kira 50 peserta daripada empat paroki di sekitar daerah Klang.

Melalui pimpinan Fr Gnana Selvam Berentis dan Fr Eugene Benedict, pengisian telah dibahagikan kepada tiga sesi utama iaitu; Siapakah Roh Kudus?, Roh Kudus dalam Kehidupan Kita dan Hidup dalam Roh Kudus.

Setiap sesi tersebut, Fr Selva tidak sekadar menyampaikan ceramah tetapi turut mencipta ruang terbuka untuk pertemuan peribadi dengan Tuhan.

Para peserta diajak untuk merenungkan dan berkongsi pengala-

man mereka melalui perbincangan kumpulan kecil, justeru membuka peluang kepada luahan hati dan kesaksian iman.

Beberapa peserta berkongsi kisah hidup mereka yang penuh cabaran, namun disinari oleh kehadiran Roh Kudus.

“Roh Kudus ada bersamamu sejak kamu dibaptis. Ia hidup dan bersemayam dalam diri kamu,” kata Fr Selva.

Tambahnya lagi, “Roh Kudus ialah Penghibur yang dijanjikan oleh Yesus — yang memperkuat kita, mengingatkan kita akan Sabda Tuhan dan membimbing kita untuk menghasilkan buah-buah Roh.”

Salah seorang peserta dari Gereja Sto Petrus dan Paulus berkongsi seminar itu telah membuka matanya untuk melihat bahawa Tuhan bekerja dalam keheningan, melalui orang-orang di sekeliling kita dan dalam momen-momen kecil kehidupan yang sering kita abaikan.

Formasi ini diakhiri dengan Adorasi dan Misa Kudus penutup.

Menyampaikan pesan Injil dalam dunia moden

KUALA LUMPUR: AMNEC (Misi Keuskupan untuk Evangelisasi Baharu bagi Kristus), ACLAC (Jawatankuasa Bahasa Cina Keuskupan), ABMA (*Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate*) dan *Jesus Youth* mengendalikan *Study Day* pada Mei 1, tentang *Kerygma: Menyampaikan Pesan Injil dengan Berkesan, Intentional Accompaniment* (Pendampingan Bermatlamat/IA) dan Mewujudkan Budaya Evangelisasi, kepada 175 fasilitator IKD, katekis dan penanggung dari Keuskupan Kuala Lumpur di Gereja Hati Kudus, Kuala Lumpur.

Kerjasama ini terjadi atas jempukan Dr Steven Selvaraju untuk membangkitkan semangat penginjilan dalam kalangan mereka yang terlibat dalam Inisiasi Kristian Dewasa (IKD).

Dengan tema “Menghidupkan Amanat Agung” (Matius 28:19-20), sesi *Study Day* diadakan serentak untuk empat-empat kumpulan bahasa, iaitu bahasa Inggeris, Mandarin, Melayu dan Tamil di dewan yang berasingan.

Kumpulan bahasa Melayu dikendalikan oleh Egbert Adolf Naintin, Pengerusi ABMA dan Dr Elena Woo, Setiausaha ABMA.

Study Day ini menjelaskan tentang panggilan dan kepentingan evangelisasi berdasarkan dokumen *Redemptoris Missio*



serta Katekismus Gereja Katolik (KGK).

Seterusnya, peranan IA iaitu kepentingan berjalan bersama dengan para katekumen sepanjang perjalanan iman sehingga dibaptis dan menuju kedewasaan kerasulan dengan meneladani rasul Filipus yang menemani perjalanan iman seorang sida-sida Etiopia sehingga sida-sida itu mengalami kedewasaan iman.

Para peserta juga diberi panduan bagaimana mereka dapat membawa umat yang sesat untuk kembali bertaubat, mendorong mereka untuk kembali bertumbuh sebagai murid misionari Kristus.

Dalam mewujudkan budaya penginjilan dalam IKD, video bertajuk ‘Kerasulan ialah Penginjilan’ menekankan keperluan untuk memupuk katekumen dalam

mengenali serta mengasihi iman Katolik.


Perkara-perkara penting lain yang turut disampaikan ialah memilih pemimpin dengan kualiti *F.A.C.T* (*Faithful, Available, Contagious dan Teachable*) dan Penggandaan Spiritual lawan Penambahan Spiritual, mengikut strategi Sto Paulus (2 Timotius 2:2).

Pada akhir *Study Day*, penganjur menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh peserta melalui *QR-Code*.


Seminar diakhiri dengan taklimat oleh Dr Steven Selvaraju, Pengarah Pusat Kateketikal Keuskupan Agung yang mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjadikan *Study Day* IKD pengalaman pembelajaran yang benar-benar tidak dapat dilupakan.

Sahabat kecil Yesus

Warnakan bahagian B. Kemudian gunting dan lekatkan pada gambar A mengikut kreativiti adik-adik.



Tuhan melihat segala yang dijadikan-Nya itu, sungguh amat baik (Kejadian 1:31)



Adik-adik, bayangkan, ketika kita dalam kesusahan, ada seseorang yang memberikan kita harapan dan penghiburan: "Janganlah resah hatimu dan janganlah takut ..." (Yoh 14:27).

Kata-kata ini adalah daripada Yesus sendiri. Yesus ingin memberikan kita damai. Damai ini tidak sama dengan keadaan bebas daripada peperangan atau keganasan.

Damai yang mahu diberikan oleh Yesus adalah damai rohani.

Damai ini tidak dapat diberikan oleh dunia. Damai yang diberikan dunia hanya sementara dan terbatas, sedangkan damai yang diberikan Yesus adalah kekal dan melampaui pemahaman manusia. Adik-adik, damai rohani ini akan membuatkan kita lebih beriman terhadap Yesus, lebih terdorong untuk melakukan kebaikan.

Marilah kita membuka hati kita agar Yesus dapat menganugerahkan kita damai sejahtera-Nya!

Antie Melly



Damai
----- **Ku**

bagimu.

sejahtera-Ku


kepadamu ...
(Yoh 14:27)



tinggalkan
sejahtera
damai
berikan

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

Lima imej di bawah kelihatan serupa. Bulatkan dua gambar yang sama.





BELIA

30,000 BELIA SERBU PROGRAM AWAL WYD 2027

SEOUL: Lebih daripada 30,000 kaum muda menyertai Festival Belia "Hee Hee Hee" di Seoul dari Mei 9 hingga 11. *Hee Hee Hee* dalam bahasa Korea Selatan, mempunyai sebutan yang sama namun berlainan makna iaitu Harapan, Pengorbanan dan sukacita.

Festival ini merupakan perayaan berskala besar yang diketuai oleh belia, dianjurkan oleh Keuskupan Agung Seoul dan Jawatankuasa Penganjur Tempatan untuk Hari Belia Sedunia (WYD) 2027.

Diadakan dalam konteks Tahun Jubli dan Hari Minggu Panggilan, acara tiga hari itu direka sebagai pra-tonton perhimpunan Katolik global yang dijadualkan pada tahun 2027.

Penganjur berkata festival itu bertujuan untuk menawarkan "perayaan iman, panggilan, dan komuniti yang dinamik dan dipimpin oleh belia melalui program-program yang diilhamkan oleh watak-watak Korea untuk "Cahaya", "Harapan" dan "Kegembiraan."

Belia memainkan peranan penting dalam merancang dan melaksanakan festival tersebut, yang menampilkan zon tematik, konsert, perayaan liturgi dan pameran interaktif.

Menurut penganjur, acara tersebut menyambut "orang dari semua peringkat umur, kebangsaan, semua latar belakang agama, mencipta ruang kegembiraan bersama dan dialog antara budaya."

Pra-Tonton WYD 2027

Festival "Hee Hee Hee" disusun untuk mencerminkan elemen-elemen WYD misalnya sesi katekesis, testimoni iman, persembahan kreatif, vigili doa, dan Misa penutup yang diadakan pada Mei 11 di Kampus Universiti Katolik Sungsin, juga dikenali sebagai "Zon Kebenaran."

Uskup Agung Peter Soon-taick Chung dari Seoul yang memimpin Misa pada Mei 11, menggesa golongan muda untuk mendengar panggilan Tuhan.

"Dalam cara yang istimewa tahun ini, semasa kita menuju ke Hari Belia Sedunia 2027 dalam rahmat Tahun Jubli, saya dengan tulus berharap bahawa Festival Belia ini memberi inspirasi lebih ramai belia untuk membuka hati mereka kepada panggilan Tuhan dan memberi sahutan dengan keberanian dan iman," katanya dalam homilinya.

"Umat Gereja berkembang dan berbuah apabila ia melahirkan panggilan-panggilan baharu. Dalam banyak cara, dunia mungkin tanpa disedari merindukan 'saksi harapan'—mereka yang memberi kesaksian melalui kehidupan mereka bahawa mengikuti Kristus adalah sumber kegembiraan sejati."

Dianggarkan seramai 3,500 orang menghadiri Misa tersebut, yang menampilkan muzik, kesaksian, dan tumpuan yang kuat kepada penelitian panggilan.

Tiga Zon, Satu Misi

Festival ini dibahagikan kepada tiga kawasan tema—Kebenaran, Keamanan, dan Kasih—setiap Zon menawarkan keunikan dalam kehidupan dan saksi Kristian.

Zon Kebenaran: Berfungsi sebagai pusat rohani festival, menganjurkan vigili pada Mei 10 dan Misa pada Mei 11. Zon ini menggalakkan refleksi yang lebih mendalam mengenai iman dan panggilan.

Zon Keamanan: Ditetapkan di Sekolah Menengah dan Tinggi Dongsung. Zon ini menumpukan kepada pembentukan panggilan (vocation). Kongregasi rohaniwan

dari seluruh Korea mendirikan gerai untuk berkongsi cara hidup mereka.

Gerai ini juga menampilkan sesi "Berkual dengan Seorang Rohaniwan" yang menawarkan perbualan tidak formal dengan religius dengan golongan muda. Konsert "Oseyo" yang diadakan berhampiran, menampilkan persembahan meriah oleh komuniti religius, mempamerkan karisma mereka yang pelbagai.

Zon Kasih: Di sepanjang jalan bebas kereta Daehak-ro, kumpulan belia Katolik dan organisasi Katolik mencipta suasana perayaan dengan pameran interaktif dan penjangkauan. Konsert Bicara pada Mei 11, mengumpulkan belia, paderi, dan artis untuk perbincangan terbuka tentang iman, tujuan dan harapan.

Gabungan doa, festival dan budaya

Festival itu disokong oleh 180 sukarelawan belia dan 60 kakitangan dewasa. Penganjur menekankan kelestarian, menggunakan bahan boleh guna semula dan melaksanakan amalan tanpa sisa.

Bantuan masa nyata dan tinjauan di lokasi membantu para peserta mengalami kerohanian yang tenang, indah dan menguatkan iman.

Menggambarkan acara tersebut sebagai "lebih daripada sekadar sambutan tempatan," penganjur berkata ia berfungsi sebagai "pra-tonton Hari Belia Sedunia itu sendiri."

Dengan menggabungkan doa, budaya dan penglibatan komuniti, Festival Belia "Hee Hee Hee" menawarkan gambaran tentang visi untuk WYD 2027—sebuah Gereja global yang dipimpin oleh golongan muda, seperti yang dinyatakan oleh penganjur, "berjalan dalam cahaya, hidup dengan harapan, dan memancarkan kegembiraan."

Media Vatikan



'Khasiat' menjadi pelayan Altar

SANDAKAN: Para pelayan Altar di Katedral St Mary mempunyai program tahunan yang biasanya dianjurkan semasa Minggu Suci.

Aktiviti tahunan itu ialah Kem Pelayan Altar sebagai persediaan Minggu Suci dan perayaan-perayaan liturgi Paskah.

Pelayan senior tiba di Pusat Kateketikal Fr Mulders pada April 17, untuk melakukan kerja pembersihan dan persiapan untuk kem.

Pada April 18, semua pelayan Altar mengambil bahagian dalam Jalan Salib di Katedral St Mary.

Kemudian, Stephen Simeon, seorang pelayan Altar senior, menyampaikan taklimat tentang Hari Jumaat Agung.

Gerard Chong dan Adriel Jared, dua pelayan altar dari Katedral, juga membantu

Diakon Ricki Boy untuk liturgi Jumaat Agung di Gereja St Peter di Sg Manila.

Sesi pertama, "Pengenalan kepada Pelayan Altar" telah dikendalikan oleh Gerard Chong. Beliau bercakap tentang tata gerakan pelayan Altar yang sesuai, disiplin berdasarkan pengalamannya sendiri.

Sesi seterusnya dikendalikan oleh Marshall Owen yang dipanggil "Ignis Dei - Serve with Faith and Fire."

Objektif sesi ini adalah untuk menggalakkan semua pelayan untuk melayani dengan semangat dan komited, menggalakkan mereka untuk memastikan "api pelayanan" terus menyala di dalam hati mereka untuk Tuhan.

Pada April 19, sesi khas dan taklimat oleh Diakon Ricki Boy, menekankan ten-



Pelayan Altar bergambar bersama Gembala Keuskupan Sandakan, Uskup Julius Dusingit.

tang Vigili Paskah dan peranan penting pelayan Altar.

Diakon Ricki menekankan bahawa pelayan Altar merupakan panggilan dari Tuhan, dan pelayan Altar memainkan peranan penting bukan hanya semasa Misa, tetapi dalam semua perayaan liturgi.

Beliau juga mengingatkan para pelayan

untuk sentiasa berwaspada dan peka, kerana mereka adalah figura yang membawa orang ramai untuk merasai kekudusan semasa acara-acara suci ini.

Kem berakhir pada Hari Minggu Paskah. Para pelayan Altar pulang dengan pembaharuan rohani dan penyegaran komitmen dalam melaksanakan panggilan mereka.

Sekilas tentang Sri Paus Leo XIV



"In Illo Uno Unum"

Sri Paus Leo XIV, sebagai seorang Augustinian, sangat akrab dengan karya-karya Sto Augustinus. Ayat khusus yang dikutip Sri Paus Leo XIV ditemukan dalam khutbah Sto Augustinus tentang Mazmur 128.

Sto Augustinus mengingatkan semua orang, agar semua orang Kristian bersatu dalam iman, meskipun mungkin berasal dari latar belakang yang berbeza.

Ini adalah pesan yang relevan, terutama di dunia moden, kerana Gereja mempunyai anggota yang pelbagai bangsa dan latar belakang tetapi bersatu dalam kepercayaan mereka kepada Yesus Kristus. **Media Vatikan**

VATIKAN: Ketika Paus Leo XIV ditahbiskan sebagai uskup, beliau memilih moto dalam bahasa Latin, "*In Illo uno unum*," (Dalam Kristus yang Satu, kita adalah satu). Ia adalah moto yang tepat, kerana mengekspresikan keinginan Sri Paus Leo XIV untuk persatuan Gereja, keinginan yang akan memandu kepausannya.

Kata-kata dalam moto ini diambil dari khutbah Sto Augustinus dari Hippo tentang Mazmur 128.

Mengapa memilih nama 'Leo XIV'

ROMA: Semasa bertemu dengan para Kardinal pagi Mei 10, 2025, Sri Paus Leo XIV menjelaskan pilihan nama kepausannya, kerana kekagumannya terhadap Sri Paus Leo XIII yang gigih "membahas masalah sosial dalam konteks revolusi industri besar pertama" dengan ensikliknya *Rerum Novarum*.

"Saya memilih nama Leo XIV kerana pelbagai alasan. Namun sebab utamanya ialah kerana kekaguman terhadap Sri Paus Leo XIII dalam Ensiklik bersejarahnya *Rerum Novarum* yang membahas masalah sosial dalam konteks revolusi industri besar pertama."

"Pada zaman ini, Gereja me-

nawarkan kepada setiap orang perbendaharaan ajaran sosialnya sebagai sahutan terhadap revolusi industri lain dan terhadap perkembangan di bidang kecerdasan buatan (AI) yang menimbulkan cabaran baharu bagi pembelaan martabat manusia, keadilan, dan tenaga kerja."

Sri Paus Leo XIV mengakhiri pertemuan itu dengan memetik harapan Santo Paulus VI yang diungkapkan pada awal kepausannya tahun 1963, berdoa agar Gereja akan 'berjalan' di seluruh dunia seperti nyala api iman dan cinta yang menyala dalam diri semua lelaki dan wanita yang berkehendak baik. **AES**

Homili pertama Sri Paus Leo XIV di chapel Sistina

TAKHTA SUCI: Sri Paus Leo XIV berkata pada Mei 9, bahawa beliau telah dipilih sebagai ketua baharu bagi 1.4 bilion penganut Katolik di seluruh dunia supaya Gereja dapat menjadi "terang dan garam dunia untuk menjangkau kawasan-kawasan yang mengalami kekurangan iman."

"Tuhan telah memanggil saya melalui pilihan anda" untuk menjadi "pentadbir yang setia" bagi Gereja agar ia boleh menjadi "sebuah bahtera keselamatan yang belayar melalui lautan sejarah dan sebuah suar yang menerangi malam-malam gelap dunia ini," kata Sri Paus Leo XIV dalam homili pertamanya di Kapel Sistina.

"Terdapat banyak keadaan di

mana iman Kristian dianggap tidak masuk akal, ditujukan kepada orang yang lemah dan tidak cerdas."

"Kini, ramai orang lebih menyukai 'jaminan' lain seperti teknologi, wang, kejayaan, kuasa atau kesenangan."

"Ini adalah konteks di mana tidak mudah untuk memberitakan Injil dan menjadi saksi kebenarannya, di mana umat beriman diejek, ditentang, dan dihina."

Namun, kerana alasan inilah tempat-tempat tersebut merupakan jangkauan misi kita yang harus diutamakan," kata Sri Paus pertama dari Amerika Syarikat yang juga mantan misionari di Peru. **Media Vatikan**

Sejarah singkat Ordo Sto Augustinus

ROMA: Sri Paus Leo XIV adalah Bapa Suci pertama anggota Ordo Santo Augustinus.

Sebelum ini ada lima orang Bapa Suci yang meskipun bukan anggota Ordo Sto Augustinus, tetapi mengikuti *Regula* Sto Augustinus.

Sri Paus Gregorius VIII yang adalah anggota ordo Norbertine, tetapi mengikuti peraturan Sto Augustinus.

Selain itu ada beberapa orang Augustinian yang dikanonisasi sebagai orang suci, termasuk Sto Nikolas dari Tolentino dan Sto Thomas dari Villanova. Secara ringkas, Sto Augustinus merupa-

kan seorang uskup Katolik, ahli teologi dan pujangga Gereja. Idea dan tulisannya membentuk doktrin Katolik selama lebih dari satu milenium.

Pada masa mudanya, Augustinus dibesarkan sebagai seorang Kristian tetapi pernah meninggalkan imannya untuk kehidupan pesta pora duniawi.

Augustinus kembali ke pangkuan Katolik setelah bertemu dengan Sto Ambrosius, seorang uskup dan sesama pujangga Gereja dan memenuhi doa ibunya, Sta Monika, selama bertahun-tahun. **Media Vatikan**

Melucutkan kebencian, prasangka dalam komunikasi

VATIKAN: Empat hari sejak pemilihannya sebagai Sangti Papa, Sri Leo XIV mengadakan perjumpaan dengan para profesional media, yang berada di Roma untuk melaporkan kematian Sri Paus Fransiskus, tentang sidang konklaf, dan hari-hari awal kepausannya.

Prelatus itu mengadakan perjumpaan tersebut pada Mei 12, di Dewan Paul VI di Vatikan dan mengucapkan terima kasih kepada wartawan dalam bahasa Itali atas kerja tanpa henti mereka sepanjang beberapa minggu ini.

Memupuk keamanan

Bapa Suci yang baharu dipilih itu memulakan ucapannya dengan seruan untuk komunikasi bagi memupuk keamanan dengan menjaga kesejahteraan umum dan artikel yang mahu diterbitkan.

Sri Paus Leo XIV mengajak para profesional media untuk mempromosikan jenis komunikasi yang "tidak mencari konsensus dengan apa cara sekalipun, tidak menggunakan kata-kata agresif, tidak mengikuti budaya persainan, dan tidak memisahkan pencarian kebenaran daripada kasih sayang yang harus kita cari dengan kerendahan hati."

"Cara kita berkomunikasi adalah sangat penting. Kita mesti berkata 'tidak' kepada kata-kata dan imej peperangan; kita mesti menolak paradigma perang."

Solidariti dengan wartawan yang dianiaya

Sri Paus Leo XIV meneruskan solidariti Gereja dengan wartawan yang dipenjarakan kerana melaporkan kebenaran dan menyeru agar para wartawan itu dibebaskan.

Uskup baharu Roma itu berkata penderitaan mereka mengingatkan dunia tentang pentingnya kebebasan bersuara dan akhbar, bahawa "hanya individu yang berpengetahuan boleh membuat pilihan bebas."



Pejuang kebenaran

Bapa Suci Leo XIV kemudian mengucapkan terima kasih kepada wartawan atas usaha dan perjuangan mereka kepada kebenaran, terutamanya kerja mereka yang mempersembahkan Gereja dalam "keindahan cinta Kristus" semasa tempoh *interregnum* baru-baru ini.

Beliau memuji kerja mereka untuk mengetepikan stereotaip dan klise. "Pada masa ini, banyak isu yang sukar untuk diceritakan dan dilayari."

Oleh sebab itu, Bapa Suci berpesan agar setiap daripada kita dapat mengatasi kelemahan ini.

Menghadapi cabaran zaman kita

"Gereja mesti menghadapi cabaran yang dicetuskan oleh masa kini. Dalam cara yang sama, komunikasi dan kewartawanan tidak wujud di luar masa dan sejarah. Sto Augustinus mengingatkan kita tentang ini apabila beliau berkata, 'Marilah kita hidup dengan baik dan masa-masa akan menjadi baik.' Kita adalah zaman ini."

Sri Paus Leo XIV berkata dunia moden boleh membuat kita tersesat dalam "kekeliruan bahasa tanpa kasih yang sering bersifat ideologi atau partisan."

Media, katanya, mesti mengam-

bil cabaran untuk memimpin dunia keluar dari "Menara Babel" sedemikian, melalui kata-kata yang kita gunakan dan gaya yang kita amalkan.

"Komunikasi bukan hanya penyebaran maklumat, tetapi juga penciptaan budaya, persekitaran manusia dan digital yang menjadi ruang untuk dialog dan perbincangan."

AI menuntut tanggungjawab dan kebijaksanaan

Merujuk kepada penyebaran kecerdasan buatan (AI) Sri Paus berkata potensi "besar" AI memerlukan "tanggungjawab dan kebijaksanaan untuk memastikan ia boleh digunakan untuk kebaikan semua, supaya ia boleh memberi manfaat kepada seluruh umat manusia."

Pada akhir perjumpaan itu, Sri Paus Leo XIV mengulangi pesanan mendiang Sri Paus Fransiskus untuk Hari Komunikasi Sosial Sedunia 2025.

"Marilah kita melucutkan senjata komunikasi daripada semua prasangka, rasa dendam, fanatisme dan bahkan kebencian. Marilah kita melucutkan kata-kata kebencian dan kita akan membantu melucutkan senjata dunia."

Media Vatikan

Ulang Tahun Laudato Si' diraikan dengan dialog agama tentang ekologi

SINGAPURA: Wakil-wakil dari 10 tradisi agama berkumpul di Pusat *Fort Canning* di Singapura untuk merenungkan tanggungjawab terhadap alam sekitar, menekankan nilai-nilai bersama dan melancarkan usaha baru untuk tindakan iklim antara agama.

Dianjurkan oleh Caritas Singapura — cabang misi sosial Gereja Katolik — dan Pusat Dialog Antara Agama dan Ekumenisme Keuskupan Agung, perhimpunan ini bertujuan untuk memperdalam kerjasama antara agama dalam isu-isu ekologi.

Peserta berkongsi bagaimana kepercayaan mereka mempromosikan penghormatan terhadap alam dan membincangkan strategi praktikal untuk mendorong perubahan alam sekitar dalam komuniti mereka.

Tema-tema umum termasuk keperluan untuk melibatkan belia, mengamalkan kehidupan lestari, dan memupuk belas kasih dalam usaha alam sekitar.

"Penjagaan terhadap ciptaan benar-benar melampaui sistem kepercayaan, dan ini hanyalah permulaan perjalanan bersama,"

kata Juliana Foo, Pengarah Eksekutif Caritas Singapura.

Sebuah upacara penanaman pokok diadakan selepas dialog tersebut, dengan 14 wakil agama menanam lima pokok di Taman *Fort Canning* sebagai tindakan simbolik perpaduan dan harapan untuk generasi akan datang.

Caritas Singapura juga melancarkan platform dalam talian baharu untuk menyokong kerjasama antara agama dalam kelestarian dan menggalakkan pertukaran idea serta inisiatif bersama. **LICAS News**

Doa konsekrasi Paus Leo XIV kepada Bunda Maria

VATIKAN: Ketika beliau menjadi uskup Chiclayo, Peru, Sri Paus Leo XIV, menawarkan doa khas konsekrasi kepada Perawan Maria di hadapan patung Perawan Maria dari Fatima, yang diraikan oleh Gereja Katolik setiap Mei 13.

Pada Januari 7, 2019, setelah meminta setahun lebih awal agar imej Maria dibawa ke Chiclayo dari shrine Fátima di Portugal, Uskup Robert Prevost ketika itu mengadakan Misa khas di Katedral St Mary yang dihadiri oleh sejumlah besar umat.

Fr Jorge Millan Cotrina, paderi paroki Holy Family di Chiclayo mengingat Sri Paus Leo XIV yang sangat mudah bersetuju tentang konsekrasi Januari 2019 kasihnya kepada Perawan Maria.

"Ketika itu, para paderi sedang dalam retret dan kami meminta izin daripadanya supaya kami juga dapat menerima imej tersebut dan dia bersetuju," kata Fr Jorge Millán Cotrina.

"Tindakannya dan imej itu sangat menyentuh kerana di sini, di Chiclayo, sangat menghormati Perawan Maria. Nama asal bandar Chiclayo adalah *Our Lady of the Valleys of Chiclayo*, yang diberikan oleh para Fransiskan pada abad ke-16," jelasnya.

"Sri Paus sangat mengasihi Perawan Maria, namun tidak menyebut mana-mana gelaran. Baru-baru ini, Bapa Suci Leo XIV pergi untuk menghormati Santa Perawan Maria Penasihat yang Baik di Itali." Beliau juga merayakan Misa untuk "Bunda Maria dari Guadalupe, Bunda Lourdes dan Bunda Gunung Karmel," yang merupakan devosi besar dalam kalangan penduduk Chiclayo.

Mengenai pemilihan Kardinal Prevost sebagai pengganti Sto Petrus, Fr Jorge berkata "saya mengalami emosi yang luar biasa, tidak dapat digambarkan sebab amat



Sri Paus Leo XIV, semasa menjadi uskup Chiclayo (Peru), melafazkan doa konsekrasi di hadapan patung Perawan Maria dari Fatima.

gembira, rasa damai yang besar dan jiwa yang terbuka kepada harapan dan mengetahui bahawa dia akan berada di sana memberi kita harapan tertentu bahawa keadaan yang mengelirukan, kacau kacir akan menjadi lebih baik."

"Bukan kerana dia, tetapi kerana keperibadiannya, kerana kepatuhannya kepada perkara-perkara Tuhan, kepada Roh Kudus," jelasnya. Paderi itu juga mengulas bahawa apabila dia mendengar Sri Paus Leo XIV menyebut "keuskupan tercantanya di Chiclayo" dari balkoni Basilika St. Peter, "ramai daripada kami terharu hingga mengalirkan air mata."

Berikut adalah doa konsekrasi yang dibacakan oleh Sri Paus Leo XIV di hadapan patung penziarah *Our Lady of Fátima* ketika beliau menjadi uskup Chiclayo: "Saya, Robert Francis Prevost Martínez, pada hari ini melakukan konsekrasi, pertobatan, memohon pengampunan dan penebusan kepada Tuhan atas semua pelanggaran

yang telah berlaku di Peru."

"Saya melakukan ini di hadapan Tuhan dan bagi mereka yang telah berusaha menghapuskan iman Katolik pada masa lalu dan sekarang. Saya memohon keampunan, dan melalui tindakan [memohon] keampunan ini, kami mahu konsekrasi ini menjadi alasan untuk mendorong kami mencari di Peru pertobatan dan perpaduan yang sangat kami perlukan, dan yang hanya datang dari Tuhan.

"Melalui pertobatan ini, [memohon] pengampunan, saya memperbaharui semula konsekrasi untuk Peru, bersatu dengan keuskupan-keuskupan, paroki-paroki, para paderi, diakon, seminarian, religius serta orang awam kepada Hati Kudus Yesus dan Hati Tak Bernoda Maria. Dengan ini, saya menyerahkan kepada Tuhan segala yang kita ada, segala yang kita miliki dan menerima sebagai balasan kasih dan perlindungan-Nya yang abadi untuk setiap orang dan setiap keluarga di Peru." CNA

Jus rohani untuk jiwa

Apabila kita berdosa, adakah malaikat pelindung melihatnya?



Apabila kita berdosa, kita sering berfikir bahawa kita sendirian dan tiada siapa yang melihat kita. Inilah sebabnya kita sering berbuat dosa pada waktu malam, di bawah naungan kegelapan.

Kita mungkin berfikir kepada diri sendiri bahawa jika tiada manusia yang dapat melihat kita, kita bersendirian dan tiada siapa yang tahu bahawa kita telah berdosa.

Namun, realitinya adalah malaikat pelindung kita sentiasa bersama kita, berusaha melindungi kita daripada membuat pilihan jahat.

Sentiasa di samping kita

Tegasnya, malaikat tidak memiliki tubuh fizikal; inilah sebabnya mengapa kita biasanya tidak pernah menyedari kehadiran mereka.

Mereka adalah roh murni, tetapi boleh mengambil rupa fizikal apabila perlu. Bentuk yang kelihatan yang sering dilaporkan dalam Kitab Suci atau berita popular adalah sebuah topeng, sebuah topeng yang mereka pakai supaya kita

dapat melihat mereka dengan mata kita. Jika tidak, mereka adalah makhluk yang secara semula jadi tidak dapat dilihat.

Kadang-kadang malaikat pelindung kita akan "menunjukkan" diri mereka kepada kita melalui tindakan atau "suara" yang tidak kelihatan.

Sr Maria Antonia menulis sebuah kisah terkenal tentang persahabatan seumur hidupnya dengan malaikat pelindungnya dalam buku *Under Angel Wings*, dan menerangkan insiden tersebut semasa zaman kanak-kanaknya apabila malaikat pelindungnya menyelamatkannya daripada melakukan dosa:

"Kenapa saya tidak boleh memetik beberapa buah pic seperti kanak-kanak lain? Saya menghulurkan tangan untuk memetik buah pic dan ketika jari-jari saya sudah menyentuh buah pic itu, tiba-tiba saya menerima amaran yang paling manis dan tenang daripada Kawan Baharu saya.

Lengan saya yang tergantung di udara kerana mahu memetik buah pic, diturunkan dengan lembut oleh 'tangan tidak ke-

lihatan,' yang saya rasakan seolah-olah saya telah disentuh oleh salah seorang daripada orang yang saya boleh lihat. Oleh sebab saya mempunyai pemahaman yang lebih baik dan lebih jelas tentang suara Sahabat Baharu saya daripada kata-kata yang diucapkan oleh Ibu Raphael, atau Saudari Pauline, atau Saudari Irene, yang saya boleh lihat ketika mereka bercakap dengan saya."

Sto Ambrose juga menegaskan realiti bahawa malaikat pelindung kita ada di sana dan dapat melihat walaupun kita tidak dapat melihat dengan mata kita:

Penjaga mulia bagi setiap kita tidak tidur, dan dia tidak boleh ditipu. Tutup pintumu, dan buatlah dosa dalam kegelapan malam; tetapi ingatlah, kau tidak pernah sendirian; dia tidak memerlukan cahaya siang untuk melihat perbuatanmu.

Oleh itu, setiap kali anda tergoda untuk berbuat dosa, ingatlah bahawa malaikat pelindung anda ada di sisi anda dan dengan senang hati membantu anda, tetapi hati anda mesti terbuka untuk bantuan itu. **Aleteia**

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

'Petrus' juga memerlukan doa

Keuskupan Roma kini sudah mempunyai Uskupnya dan Gereja sejagat mempunyai Pasornya. Konklaf telah melantik Pengganti Petrus yang baharu. Terima kasih, Bapa Suci Leo XIV kerana menerima. Terima kasih kerana berkata "ya" dan kerana menyerahkan diri kepada Dia yang membimbing Gereja.

Kata-kata yang tidak terlupakan yang diucapkan oleh Paulus VI terlintas kembali—kata-kata yang beliau tuju kepada para pelajar Kolej Lombard pada bulan Disember 1968, semasa tempoh sukar selepas Konsili:

"Banyak yang mengharapkan gerakan-gerakan dramatik, campur tangan yang kuat dan tegas daripada seorang Sri Paus," Tetapi Sri Paus Paulus VI percaya bahawa dia tidak harus mengikuti jalan lain selain daripada mempercayai Yesus Kristus, yang lebih mengambil berat tentang Gereja daripada sesiapa pun. Dialah yang akan menenangkan badai.

Sudah berapa kali Yesus berkata: 'Berimanlah kepada Tuhan. Engkau percaya kepada Tuhan, percayalah juga kepada-Ku!'

Seorang Sri Paus akan menjadi yang pertama melaksanakan perintah Tuhan iaitu menyerahkan dirinya—tanpa kebimbangan atau kerisauan yang tidak sesuai—untuk melakukan karya-karya Yesus yang tidak kelihatan namun pasti semua itu adalah demi Gereja-Nya.

Hari ini, dunia berada dalam tengah-tengah badai—digoncang oleh peperangan dan keganasan. Marilah kita berdoa untuk keamanan. Marilah kita berdoa bersama Petrus dan untuk Petrus. Dan, berpegang kepada kepercayaan iman, marilah kita juga belajar untuk menyerahkan diri kepada Dia yang memerintah dari kayu Salib, yang menanggung luka-luka kemanusiaan pada diri-Nya.

Seorang 'Petrus' tetap memerlukan doa.

Petrus merupakan nelayan yang Yesus katakan bahawa kejahatan tidak akan mengalahkannya: "Engkau adalah Petrus, dan di atas batu karang ini Aku akan mendirikan jemaat-Ku, dan kuasa maut tidak akan mengalahkannya" (Mat 16:18).

Dia adalah Rasul yang - ketika mempercayai Gereja-Nya kepadanya - berdoa dengan rekomendasi khusus kepada Bapa supaya Dia dapat menyokong dalam memikul beban yang sebenarnya terlalu berat.

Petrus adalah seorang lelaki yang disokong oleh doa ini, yang telah melangkaui masa dan sejarah melalui para penggantinya untuk sampai kepada kita hari ini.

Seorang Bapa Suci adalah 'Petrus' yang berkelas kasihan dan mengasihi: Petrus merupakan seorang nelayan yang pernah membuat kesilapan dalam pengiraannya; yang terganggu, sepanjang malam di laut tanpa menangkap seekor ikan pun; yang kemudian menghulurkan jala di sebelah lain, mengikut nasihat seorang asing. Dan yang akhirnya memahami bahawa pembicara itu adalah Tuhannya.

Sri Paus Leo XIV akan menghadapi pelbagai cabaran tetapi marilah kita menyokongnya dengan doa dan harapan. Semoga beliau dapat meneruskan legasi meniang Sri Paus Fransiskus khususnya dalam mengakhiri keganasan dan peperangan! **Media Vatikan**

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

atau WhatsApp: 011-26391498



Semangat Sinodal dalam Perhimpunan Pastoral Wilayah Sabah

KOTAKINABALU: "Ini adalah perhimpunan luar biasa! Inilah perhimpunan yang pertama kalinya menghimpunkan tiga keuskupan sejak Sabah dibahagikan kepada tiga keuskupan/agung," kata Uskup Cornelius Piong semasa Misa Kudus pembukaan Perhimpunan Pastoral Wilayah Sabah (PPWS) pada Mei 11-13, 2025 di Katedral Sacred Heart.

PPWS menyaksikan 585 perwakilan dari tiga Keuskupan di Sabah berhimpun selama tiga hari untuk merayakan kesatuan, mendengar laporan dari ketiga-tiga keuskupan khususnya dalam empat bidang keprihatinan pastoral iaitu Gereja, Keluarga, Masyarakat dan Ekologi.

Uskup Cornelius Piong dalam Misa pembukaan PPWS sempat mengimbas semula perjalanan awal Gereja di Sabah yang pada mulanya hanya satu keuskupan, namun akhirnya lahir Keuskupan Keningau pada tahun 1993 dan Keuskupan Sandakan pada 2007.

"Ini merupakan perkembangan luar biasa. Sejak tahun 1950-an, Gereja kita banyak berubah dan dalam bimbingan Roh Kudus, berkembang ke arah yang lebih baik. Misalnya dahulu, tatacara Misa Kudus juga amat berbeza di mana selebran Misa Kudus membelakangkan umat.

"Namun Roh Kudus mendorong Sri Paus pada ketika itu dan seluruh dunia, lebih-lebih lagi selepas Konsili Vatikan II apabila banyak perubahan liturgi telah dilakukan yang membawa kepada semangat Gereja Sinodal," jelasnya.

Pada hari kedua, di sebelah pagi para perwakilan mendengar sejarah kedatangan Khabar Gembira di tiga keuskupan, laporan proses persiapan PPWS, program-program turun padang



memperkenalkan Perhimpunan Pastoral Malaysia (MPC 2026) dan bagaimana setiap keuskupan memperkenalkan serta meneliti empat keprihatinan pastoral MPC 2026 iaitu Keluarga, Gereja, Sosial dan Ekologi.

Pada sebelah petang, Fr Dr Clarence dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur menyampaikan sesi "Kerohanian Sinodaliti". Beliau menjelaskan bahawa "Sinodaliti" bukanlah satu konsep atau program tetapi "gaya hidup sebagai Gereja."

PPWS bukan tempat 'perdebatan' PPWS diakhiri dengan Misa Penutup pada Mei 13 yang dipimpin oleh Uskup Agung John Wong.

Uskup Julius Gitom dalam ucapannya mengatakan "PPWS ialah tempat kita menanam benih berjalan bersama sebagai Gereja, bukan tempat kita berdebat seperti ahli politik.

"PPWS telah menghasilkan Sembilan

Pernyataan Misi, hasil daripada Perbualan Rohani. Melihat sembilan Pernyataan Misi ini, sedikit sebanyak sudah berjalan di Keuskupan kita dan boleh ditambah baik di keuskupan masing-masing dan menyatukan kita untuk bersedia MPC 2026 dengan bersandar kepada Roh Kudus."

Doa Yesus untuk murid-murid-Nya pada malam perjamuan terakhir ditekan oleh Uskup Cornelius dalam ucapan Misa penutup PPWS.

Tiga pesan utama dalam doa Yesus itu ialah 1. Yesus berdoa bagi pengikut-Nya iaitu kita agar hidup dalam kesatuan. Semangat kesatuan inilah semangat sinodal. 2. Yesus mendoakan kita agar dilindungi daripada si jahat. 3. Yesus mendoakan para murid-Nya dan kita agar hidup dalam kekudusan iaitu selalu berpandu kepada Firman Tuhan.

Prelatus itu juga amat berharap, sembilan Pernyataan Misi bukanlah setakat slogan tetapi harus dipraktikkan. Apa

yang telah kita tetapkan sebagai fokus dan hala tuju sewaktu mendengar hala tuju, saya tidak ragu tetapi pelaksanaan perlu diusahakan bersama.

Uskup Agung John Wong mengungkapkan kesyukuran atas kejayaan PPWS.

"Saya pasti PPWS membawa kenangan manis bukan sahaja dalam rekod sejarah tetapi sebagai sebuah keluarga besar Katolik di Sabah".

"Kenangan manis ini akan mendorong kita untuk menjadi murid-murid misionari. Anda telah meluangkan masa selama tiga hari di sini terutama kelmarin (Mei 12) merupakan cuti umum. Saya percaya Tuhan akan memberkati anda melimpah ruah. PPWS bukan pengakhiran tetapi permulaan dalam meneruskan misi Kristus di keuskupan masing-masing.

Perjalanan Salib:

Perjalanan Salib untuk Wilayah Sabah dilancarkan semasa Misa Penutup PPWS oleh Uskup Agung John Wong.

Dalam doanya, Uskup Agung mendoakan agar Perjalanan Salib di ketiga-tiga keuskupan/agung menjadi penggalak perbuatan baik, penebusan jiwa-jiwa, penghiburan, perlindungan dan benteng kepada kuasa kejahatan.

"Semoga sesiapa yang melihat salib dapat merasakan ini tidak berasa bersendirian dalam kehidupan iman di negara ini ... " demikian doa Uskup Agung John yang diteguhkan dengan sahutan "Amin" oleh para perwakilan PPWS.

Seterusnya, para perwakilan keuskupan masing-masing mengangkat keluar Perjalanan Salib dari Katedral sebagai simbolik Perjalanan Salib dibawa ke Keuskupan masing-masing.

Sembilan Pernyataan Misi PPWS

KOTA KINABALU: Sembilan Pernyataan Misi merupakan hasil tiga Perbualan Rohani dalam Perhimpunan Pastoral Wilayah Sabah (PPWS) dari Mei 11-13 lalu.

Komiti Penganjur Utama (MOT) telah merangkumkan Sembilan Pernyataan Misi bertema "Mengenang Sejarah, Meneruskan legasi, Membina Bersama Kerajaan Tuhan dalam Semangat Sinodal", telah dihasilkan dalam PPWS pada Mei 11-13 lalu.

Uskup Agung John Wong menegaskan bahawa sembilan Pernyataan Misi itu bukan resolusi untuk ketiga-tiga keuskupan/agung.

"Setiap keuskupan mempunyai keperluan dan penekanan yang berbeza. Sembilan Pernyataan Misi ini hanyalah panduan dan memerlukan penelitian di peringkat keuskupan/agung masing-masing.

Sembilan Pernyataan Misi tersebut ialah:
Kami, umat Tuhan di Sabah, yang mewarisi iman melalui kesaksian hidup para misionari awal, dipanggil untuk membangun Gereja yang hidup dan bersatu, berakar dalam sejarah, bergerak dalam iman, dan terbuka kepada karya

Roh Kudus. Melalui semangat sinodaliti, kami menyedari bahawa:

1. Iman Adalah Warisan dan Tanggungjawab: Kami menghargai dan menghidupkan kembali warisan iman melalui rasa syukur, dokumentasi sejarah, dan pewartaan Injil yang relevan.

Kami melanjutkan warisan iman bukan sekadar dengan mengenang, tetapi melalui tindakan penginjilan yang nyata.

2. Keluarga dan Belia Adalah Jantung Misi: Keluarga adalah sekolah awal pembentukan iman dan panggilan hidup, dan anak muda adalah peneraju masa kini serta masa depan Gereja.

Kami komited untuk memperkasa institusi keluarga kristian dan mendampingi belia agar mereka mengenal Kristus secara peribadi dan menjadi saksi-Nya dalam dunia masa kini.

3. Gereja Dibina daripada Akar Umbi: Kami membina komuniti beriman yang bermula daripada keluarga, Komuniti Kristian Dasar (KKD), belia, sekolah dan seluruh lapisan umat, dengan penglibatan aktif semua dalam semangat kerjasama dan per-

saudaraan.

4. Sinodaliti Adalah Gaya Hidup Gereja: Kami mempraktikkan sinodaliti — mendengar, berdialog, dan berjalan bersama — dalam semua peringkat kehidupan Gereja, dengan mengambil kira setiap suara, terutama bagi mereka yang tersisih.

5. Pelayanan Berakar dalam Roh Kudus dan Doa: Kami melayani dengan rendah hati, dengan kekuatan dari doa, sabda, dan sakramen. Segala perancangan dan tindakan pastoral kami berakar dalam *discernment* dan penyerahan kepada kehendak Tuhan.

6. Mengenal dan Menjawab Panggilan Hidup: Menggembala dan membimbing generasi muda untuk mendengar bisikan Roh Kudus, agar berani menyahut Panggilan pelayanan kudus Gereja sama ada sebagai awam, religius, atau paderi — dan dengan rela hati menjawabnya dalam iman dan pelayanan yang setia.

7. Merayakan Sakramen Sebagai Sumber Kehidupan: Menghargai dan merayakan sakramen-sakramen Gereja sebagai tanda nyata kehadiran Kristus yang menyertai,

menguduskan dan memperbaharui hidup kami.

8. Gereja yang Inklusif, Misionari dan hidup, bertindak danewartakan Injil: Kami menjadi Gereja yang terbuka dan berani bersaksi membawa kebenaran terhadap isu-isu sosial, kemanusiaan dan alam sekitar.

Kepelbagaian budaya dalam setiap keuskupan bukanlah halangan, melainkan sumber kekayaan untuk saling melengkapi dan bergerak ke arah misi bersama.

9. Pertobatan Yang Berterusan Adalah Kunci Gaya Hidup Sinodal: Kami sedar bahawa perjalanan bersama bermula dengan pertobatan dan pembaharuan diri.

Kami membenarkan Roh Kudus menjamah hati kami agar mampu berjalan dalam kesatuan, kasih dan kesetiaan.

Dengan kasih dan harapan yang menyala, kami berjalan bersama dalam semangat sinodaliti untuk meneruskan sejarah iman yang hidup dan memikul tanggungjawab zaman ini serta menghadapi masa depan Gereja dengan penuh keyakinan akan penyertaan Roh Kudus.